

# LAPORAN JURUAUDIT KEPADA AHLI AFFIN BANK BERHAD

No. Syarikat: 25046 T

Kami telah mengaudit penyata-penyata kewangan yang dibentangkan dari mukasurat 129 hingga 198. Penyata-penyata kewangan tersebut adalah tanggungjawab para pengarah Bank. Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat tentang penyata-penyata kewangan tersebut berdasarkan audit kami.

Kami telah menjalankan audit kami mengikut piawaian-piawaian audit yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit tersebut untuk memperoleh kewajaran munasabah bahawa penyata-penyata kewangan tersebut bebas daripada kenyataan mengelirukan yang ketara. Sebuah audit merangkumi pemeriksaan, dengan asas ujian, bukti yang menyokong jumlah dan penyataan dalam penyata-penyata kewangan. Sebuah audit juga merangkumi penilaian prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran penting para pengarah, serta penilaian pembentangan penyata kewangan pada keseluruhannya. Kami percaya bahawa audit kami telah memberi asas munasabah untuk menyatakan pendapat kami.

Pada pendapat kami:

- (a) Penyata-penyata kewangan yang disediakan adalah berdasarkan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965, piawaian perakaunan yang diterimapakai di Malaysia dan Garis Panduan Bank Negara Malaysia yang memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang:
  - (i) perkara-perkara yang dikehendaki dilakukan dalam penyata kewangan di bawah Seksyen 169 peruntukan Akta Syarikat 1965, dan
  - (ii) Kedudukan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2002 dan tentangan hal keputusan dan penyata aliran tunai Kumpulan dan Bank bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut;

dan

- (b) rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta tersebut untuk disimpan oleh Bank dan syarikat-syarikat subsidiarinya yang mana kami selaku juruauditnya, telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan-peruntukan Akta tersebut.

## LAPORAN JURUAUDIT KEPADA AHLI AFFIN BANK BERHAD

No. Syarikat: 25046 T

Kami berpuashati bahawa penyata-penyata kewangan bagi ke semua syarikat-syarikat subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Bank adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar untuk tujuan penyediaan penyata-penyata kewangan yang disatukan dan kami telah menerima maklumat dan penerangan yang memuaskan seperti mana yang dikehendaki oleh kami untuk tujuan tersebut.

Laporan juruaudit kami ke atas penyata-penyata kewangan syarikat-syarikat subsidiari, tidak tertakluk kepada sebarang syarat dan tidak mengandungi sebarang teguran mengikut seksyen kecil (3) Seksyen 174 di bawah Akta tersebut.



**PricewaterhouseCoopers**

(AF: 1146)

Akauntan Berkanun



**Dato' Ahmad Johan Mohammad Raslan**

(1867/09/04 (J))

Rakan Firma

Kuala Lumpur

26 Februari 2003